

Mahathir jelaskan apa yang dipanggil Orde Baru Dunia

U.I. 29 NOV 1991

(K)

CARACAS 28 Nov. — Perdana Menteri Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, sebahagian dari apa yang dipanggil Orde Baru Dunia ialah meluaskan secara paksa "agama, demokrasi dan pasaran bebas" seperti yang diterjemahkan oleh nabi-nabi yang mengisytihar diri mereka sendiri.

Dalam ucapannya di Persidangan Kemuncak Kedua K-15 di sini hari ini, beliau menyebut bagaimana "nabi - nabi isytihar sendiri" itu mahukan arahan mereka diterima sebagai kitab suci.

"Kita bukan menentang keseluruhan, kesemua andaian, tetapi seperti dalam semua agama, banyak persepsi, definisi dan interpretasi," katanya.

Memaksakan hanya ada satu interpretasi dalam agama baru ini maka ia memeprihatkan untuk meluaskan pemerintahan mullah yang dilantik sendiri, tambahnya.

"Apakah tidak ada sekular langsung dalam mempraktikkan agama baru ini?" tanya Perdana Menteri.

Perdana Menteri secara sinis berkata bahawa tidak ada keajaiban dalam demokrasi dan pasaran bebas seperti apa yang berlaku di Soviet Union dan Eropah Timur.

"Demokrasi tidak membuatkan kemiskinan, hutang dan kemunduran hilang dan ia tentunya tidak menjamin kestabilan,"

Daripada
Suhaimi Mokhtar

tambahnya.

Selepas demokrasi dan pasaran bebas maka kini datang gospel - gospel baru tentang alam sekitar yang memberitahu Selatan - Selatan bahawa mereka mesti mengurangkan inspirasi dan pendekatan ke arah pembangunan, supaya manusia, iaitu yang kaya di Utara tidak teran-

cam kegembiraan hidup mereka.

"Bertentangan dengan segala etika, yang miskin diberitahu bahkan ditundukkan untuk membayar bagi kebijakan mereka yang kaya," tegasnya.

Kita juga melihat, katanya, betapa manipulasi agensi - agensi Bangsa - Bangsa Bersatu untuk memaksakan nilai Utara terhadap Selatan.

Mereka, tambahnya, diukur dengan apa yang diberi nama indeks kebebasan manusia.'